

BULETIN

JKR PAHANG, BIL.1/2019



LAWATAN KERJA PENGURUSAN JKR NEGERI JOHOR KE JKR NEGERI PAHANG

*National Innovation and Invention
Competition Through Exhibition
2019 (iCompEX'19)*

PINGAT EMAS & PERAK

TINTA PENGARAH

Assalamualaikum & Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan keizinanNya Buletin Bil.1/2019 JKR Negeri Pahang telah berjaya diterbitkan. Sekalung tahniah kepada Sidang Redaksi dan juga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Buletin ini merupakan satu medium yang memaparkan berita-berita atau aktiviti-aktiviti yang telah berlangsung sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2019. Penganjuran Hari Inovasi yang merupakan program tahunan JKR Pahang telah berjaya diadakan di JKR Daerah Jerantut selaku tuan rumah. Pada program tersebut turut meraikan pesara dan juga penerima Anugerah Tokoh Jabatan.

Dalam tempoh 3 bulan tersebut, pelbagai kejayaan telah diraih oleh JKR Negeri Pahang antaranya Anugerah Kontraktor Cemerlang semasa Persidangan Pegawai Kanan (SOC) yang telah berlangsung di Pulau Pinang dan juga kemenangan kontigen JKR Negeri Pahang dalam Kejohanan Sukan JKR SeMalaysia di Sabah.

Adalah diharapkan semoga JKR Negeri Pahang terus berjaya di masa akan datang, dengan kerjasama dan komitmen daripada semua warga jabatan.

Terima kasih.

Dato' Ir. Hj. Abdul Jalil bin Hj. Mohamed,
DSAP., DIMP.
Pengarah Kerja Raya Negeri Pahang

BIL 1/2019

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Dato' Ir. Hj. Abdul Jalil bin Hj. Mohamed, DSAP., DIMP.

PENASIHAT

Dato' Hj. Othman bin Nordin, DIMP.

PENYELARAS

Ir. Illias bin Husain, SMP.

PEMBANTU PENYELARAS

En. Mohd Rosemainisham Bin Mangsol

KETUA EDITOR

Pn. Rabiatal Adawiyah binti Hj. Zamri

PENOLONG KETUA EDITOR

Pn. Shafida binti Ja'apar

PEREKA GRAFIK

En. Umar bin Osman

ISI KANDUNGAN

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	Hari Inovasi 2018, JKR Negeri Pahang	4
2	Lawatan Kerja Pengurusan JKR Negeri Johor ke JKR Negeri Pahang	5
3	Karnival Sukan JKR SeMalaysia 2019	6
4	Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015	7
5	Majlis Penyerahan Projek Menggantikan Jambatan Sedia ada di FT098/002/20 Temerloh, Pahang [Sg. Semantan]	7
6	Latihan – Taklimat Bahan Colourland Paints Sdn. Bhd. – Bengkel Kajian Semula Pelan Bisnes & Pelan Pengurusan Risiko JKR Negeri Pahang – Kursus “First Aider” – Kursus Pengawasan Tapak Bina [Bangunan & Jalan] dan Gerbang Nilai – Taklimat KIK Horizon Baharu & Program Inovasi [Zon Timur] – Mesyuarat Pengurusan JKR Pahang	8 - 10
7	Anugerah <i>National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2019 [iCompEX'19]</i> , Peringkat Kebangsaan – Pingat Emas : [3rVMS - Request, Respond, Report Vehicle Management System], Kumpulan Padu – Pingat Perak : T-Protect, Kumpulan Sinar	11
8	Aktiviti – Majlis Jasamu Dikenang JD & JB, JKR Daerah Rompin – Majlis Persaraan En. Wan Mohamad Fauzi bin Haji Wan Abdullah – Kejohanan Badminton & Ping Pong Peringkat Ibu Pejabat, JKR Pahang 2018 – Perhimpunan Pagi, JKR Daerah Bentong	12 - 13



HARI INOVASI 2018

JABATAN KERJA RAYA PAHANG

"Leveraging Innovation Towards Industrial Revolution 4.0 (IR4.0)"

Disempurnakan Oleh :

**YH. DATO' IR HAJI ABDUL JALIL BIN
HAJI MOHAMED, DSAP., DIMP.**
Pengarah Kerja Raya Negeri Pahang

**13 Februari 2019 (Rabu)
Dewan Majlis Daerah Jerantut**



Hari Inovasi JKR Pahang telah diadakan di Dewan Majlis Daerah Jerantut pada 13 Februari 2019 dan JKR Jerantut merupakan Tuan Rumah pada kali ini.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Kerja Raya Negeri Pahang iaitu YH. Dato' Ir. Hj. Abdul Jalil Bin Mohamed dan telah dihadiri seramai 400 orang yang terdiri daripada warga JKR Pahang. Tema Hari Inovasi pada kali ini ialah *Leveraging Innovation Towards Industrial Revolutions 4.0 (IR 4.0)*.

BAHAGIAN KOMTUR TERBAIK

- ◇ PERTAMA [BAHAGIAN KORPORAT]
- ◇ KEDUA [BAHAGIAN BANGUNAN]
- ◇ KETIGA [BAHAGIAN ARKITEK]

Antara objektif diadakan Hari Inovasi adalah bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga JKR Pahang samada di peringkat Bahagian, Cawangan dan Daerah.

Sebanyak 14 kategori anugerah kecemerlangan telah dipertandingkan pada kali ini.

PEJABAT JKR DAERAH TERBAIK

- ◇ PERTAMA [ROMPIN]
- ◇ KEDUA [JERANTUT]
- ◇ KETIGA [BERA]



LAWATAN KERJA

**PENGURUSAN JKR NEGERI JOHOR
KE JKR NEGERI PAHANG
[15 FEB 2019]**

Lawatan Kerja Pengurusan JKR Negeri Johor ke JKR Negeri Pahang telah diadakan pada 15 Februari 2019. Lawatan kerja ini telah dihadiri oleh Y.B Dato' Sri Norolazali Bin Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi Negeri Pahang, Y.B Tuan Haji Mazlan Bin Bujang, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur Dan Pengangkutan Negeri Johor, Ir. Haji Mohamad Salleh Bin Abu Bakar, Pengarah Kerja Raya Negeri Johor, Ir. Haji A. Jalil Bin Szali, Ketua CPAB JKR Negeri Johor, pegawai dan kakitangan JKR Negeri Johor.

Pengarah Kerja Raya Negeri Pahang dan seluruh warga kerja JKR Negeri Pahang mengucapkan selamat datang kepada rombongan.

Lawatan ini bertujuan bagi mendapatkan inspirasi dalam mengembangkan idea untuk pelaksanaan inovasi baru ke arah pembangunan jabatan. Tiga (3) 'Booth' pameran produk inovasi disediakan oleh Kumpulan KIK JKR Negeri Pahang iaitu Kumpulan SINAR, Kumpulan Dot dan Kumpulan PADU. Turut diadakan, demonstrasi produk berkaitan.

Semoga kunjungan ini dapat memberikan gambaran dan panduan dalam pelaksanaan inovasi baru.

Karnival Sukan JKR SEMALAYSIA 2019

Karnival Sukan JKR SeMalaysia adalah merupakan acara dwi-tahunan Jabatan Kerja Raya Malaysia yang mana ianya melibatkan penyertaan dari Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKRM), Ibu Pejabat JKR Malaysia, semua JKR Negeri dan Wilayah Persekutuan, termasuklah CREaTE dan KADER (Sabah) dan juga pihak konsesi-konsesi yang terlibat.

Kejohanan ini adalah dilihat sebagai platform untuk memupuk semangat kerja berpasukan selain mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan mempromosikan cara hidup sihat semua warga KKR seluruh Malaysia.

Karnival Sukan Jabatan Kerja Raya (JKR) Se-Malaysia 2019 telah berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah. Karnival sukan ini telah menghimpunkan sebanyak 1,577 peserta. Sebanyak 10 acara sukan telah dipertandingkan dan berlangsung selama tiga hari dari 22 – 24 Februari 2019.

Terdapat sepuluh (10) acara sukan yang akan dipertandingkan dalam kejohanan kali ini, iaitu :

- i. Bola Sepak (11 sebelah)
- ii. Bola Tampar
- iii. Bola Jaring
- iv. Sepak Takraw
- v. Ping Pong
- vi. Boling Padang
- vii. Tenpin Boling
- viii. Futsal Wanita
- ix. Badminton
- x. Golf



BIL	JENIS SUKAN	KEPUTUSAN
1	Golf	JKR Pahang (Johan Kali Ke-2, Emas)
2	Ping Pong	JKR Pahang (Johan, Emas)
3	Bola Jaring	JKR Pahang (Tempat Ke-3, Gangsa)
4	Badminton	JKR Pahang (Tempat Ke-3, Gangsa)
5	Bowling	JKR Pahang (Tempat Ke-8), Johan Berpasangan Wanita

AUDIT PENSIJILAN SEMULA

SISTEM PENGURUSAN KUALITI

MS ISO 9001:2015

(4 - 6 Mac 2019)

Kuantan: Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Di JKR Pahang oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd pada 04 - 06 Mac 2019.

Mesyuarat Pembukaan Audit telah diadakan di Bilik Mesyuarat Anggerik dan telah dihadiri oleh pegawai kanan dan kakitangan JKR Pahang.

Berdasarkan mesyuarat tersebut, keputusan audit adalah tiada NCR dan 7 bilangan OFI.

Jutaan terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua pegawai serta kakitangan yang telah memberi kerjasama sepanjang auditan ini berlangsung.

PENYERAHAN PROJEK



LATIHAN

TAKLIMAT BAHAN COLOURLAND PAINTS SDN. BHD. (24 Jan 2019)



MESYUARAT PENGURUSAN, JKR PAHANG (12 Feb 2019)



...LATIHAN

TAKLIMAT KIK HORIZON BAHARU & PROGRAM INOVASI (ZON TIMUR) (13 Mac 2019)



**BENGKEL KAJIAN SEMULA PELAN BISNES & PELAN PENGURUSAN RISIKO
JKR NEGERI PAHANG TAHUN 2019** (18 - 19 Feb 2019)



...LATIHAN

KURSUS "FIRST AIDER" (21 Mac 2019)



KURSUS PENGAWASAN TAPAK BINA (BANGUNAN & JALAN) DAN GERBANG NILAI (25 - 27 Mac 2019)



ANUGERAH

(iCompEX'19)

PINGAT EMAS - KUMPULAN PADU (3RVMS - REQUEST, RESPONDS, REPORT VEHICLE MANAGEMENT SYSTEM)



PINGAT PERAK - KUMPULAN SINAR (T-PROTECT)




AKTIVITI

MAJLIS JASAMU DIKENANG JD & JB, JKR DAERAH ROMPIN



MAJLIS PERSARAAN EN. WAN MOHAMAD FAUZI BIN HAJI WAN ABDULLAH



AKTIVITI

KEJOHANAN BADMINTON & PING PONG PERINGKAT IBU PEJABAT, JKR PAHANG 2018

"GAME ON" KEJOHANAN BADMINTON & PING PONG TERTUTUP IBU PEJABAT JKR PAHANG

PASUKAN BERTANDING

KUMPULAN 1

Gabungan Bahagian JALAN, KORPORAT & STRUKTUR REKABENTUAN

KUMPULAN 2

Gabungan Bahagian BANGUNAN, ARKITEK & PENDIDIKAN

KUMPULAN 3

Gabungan Bahagian PENTADBIRAN, PROJEK/PERSEKUTUAN & CPAS/PMO

KUMPULAN 4

Gabungan Bahagian TENAGA, UKUR BAHAN & KEWANGAN

TARIKH:
12 Januari 2019 (SABTU)
8:00 PAGI

BERTEMPAT DI:
DEWAN ORANGRAMAI
TAMAN BERJAYA PERMAI
KEMPADANG
KUANTAN



PERHIMPUNAN PAGI, JKR DAERAH BENTONG





JABATAN KERJA RAYA NEGERI PAHANG

TINGKAT 9 -12, KOMPLEKS TUN RAZAK (KOMTUR), BANDAR INDERA MAHKOTA
25582 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
TEL : 09-571 7000 | FAKS : 09-573 2837



<http://jkr.pahang.gov.my>



JKRPahang



JKRNegeriPahang